

Aktiviti : UKE03/25 - KURSUS DALAM TALIAN: PEMETAAN UTILITI BAWAH TANAH

Tarikh : 21 Mei 2025

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster (PKUK), INSTUN

Bilangan Peserta: 89 Orang

Tujuan: Memberi pendedahan tentang kaedah pengukuran di lapangan, pemprosesan data, penghasilan peta utiliti dan teknologi pemetaan utiliti yang digunapakai di JUPEM.

Huraian Ringkas :

Kursus pemetaan utiliti bawah tanah ini telah dilaksanakan pada 21 Mei 2025 lalu dan dilaksanakan secara atas talian. Peserta yang mengikuti kursus ini telah menyertainya di tempat masing-masing. Penceramah yang menyampaikan slot berkaitan Pengenalan Ukur Utiliti Bawah Tanah dan Peralatan Pengukuran serta Kaedah Pengukuran adalah daripada Bahagian Pemetaan Utiliti, Jabatan ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Penceramah untuk kursus UKE03/25 ini ialah Sr Mohd Harris Hafizi bin Mohd Shahidan yang merupakan Penolong Pengarah Ukur, Seksyen Naziran dan Pembangunan Pangkalan Data JUPEM Kuala Lumpur. Beliau telah menyampaikan syarahan berkaitan pemetaan utiliti bawah tanah kepada para peserta dengan cukup baik dan menyeluruh berdasarkan topik yang telah dinyatakan.

Segala perkongsian serta informasi daripada pihak JUPEM ini amatlah berguna dalam memastikan aspek pelaksanaan dan kawalan kerja dilakukan berdasarkan garis panduan yang dinyatakan di dalam pekeliling – pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (PKUP) berkaitan pemetaan utiliti bawah tanah. Harapan kami semoga para peserta beroleh manfaat melalui penganjuran kursus yang telah dilaksanakan ini dan membolehkan peserta memahami dengan lebih jelas tentang ukuran utiliti bawah tanah di Malaysia.

